



10 Jun 2016
10 June 2016
P.U. (A) 155

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2016

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT
(AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2016**.

(2) Subsubperenggan 2(a)(i), 2(a)(ii), 2(a)(iii), 2(b)(i), subperenggan 2(c), 2(d), 2(e), 2(f), 2(h), subsubperenggan 2(i)(i), 2(i)(ii), subperenggan 2(j), 2(k), 2(l), subsubperenggan 2(m)(i), subperenggan 2(n), subsubperenggan 2(o)(i), subperenggan 2(p), dan subsubperenggan 2(r)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 29 Julai 2015.

(3) Subsubperenggan 2(a)(iv), 2(i)(iii), 2(i)(iv), 2(i)(v), 2(i)(vi), 2(i)(vii), subperenggan 2(q), subsubperenggan 2(r)(v), dan 2(r)(viii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

(4) Subsubperenggan 2(a)(v) dan 2(b)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 September 2015.

(5) Subsubperenggan 2(a)(vii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2015.

(6) Subperenggan 2(g) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2016.

(7) Subsubperenggan 2(m)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 4 Ogos 2015.

(8) Subsubperenggan 2(r)(ii) dan 2(r)(vi) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 22 September 2015.

(9) Subsubperenggan 2(r)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 November 2014.

(10) Subsubperenggan 2(r)(vii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

(11) Subsubperenggan 2(o)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

(i) dengan menggantikan perkataan “Tan Sri Dato’ Haji Mahiaddin bin Md. Yasin” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi”;

(ii) dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Dato’ Seri Azalina binti	Menteri di Jabatan Perdana
Dato’ Othman Said	Menteri”;

(iii) dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Dato’ Razali bin Ibrahim” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Senator Dato’ Dr. Asyraf Timbalan Menteri di Jabatan
Wajdi bin Dato’ Dusuki Perdana Menteri”;

- (iv) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:

“Bahagian Hal Urus setia Lembaga Pengampunan oleh
Ehwal Undang- Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di
Undang Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala
Lumpur, Labuan dan Putrajaya

Memantau kedudukan perkara
pengampunan di tiap-tiap negeri

Perancangan dan pembangunan Mahkamah
serta kerja-kerja naik taraf dan pembaikan
bangunan pejabat cawangan Jabatan
Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan
Insolvensi Malaysia (MDI)

Pentadbiran Akta Pemegang Amanah
(Pemerbadanan) 1952, termasuk perkara
berkaitan dengan pendaftaran dan
pemantauan perbadanan-perbadanan
pemegang amanah

Agensi utama bagi pembangunan Pelan
Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan
(NHRAP)

Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM)

Pelantikan anggota SUHAKAM dan penyelarasan penyediaan Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM

Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001

Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRC)

Penyelarasan pelaksanaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

Penyelarasan pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Penyelarasan pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012”;

- (v) dengan memotong perkataan “Amanah Raya Berhad” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”;
- (vi) dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Institut Wasatiyyah Malaysia” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut: